



JABATAN PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR DAN TAMAN NEGARA (PERHILITAN) SEMENANJUNG MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

### **ADUAN PENEMUAN KESAN TAPAK KAKI HIDUPAN LIAR YANG DI PERCAYAI KESAN TAPAK KAKI HARIMAU BELANG DI PROJEK PERTANIAN MODEN, KLUANG, JOHOR DARUL TA'ZIM**

---

1. Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negera (PERHILITAN) Semenanjung Malaysia mengesahkan telah mendapat aduan penemuan kesan tapak kaki hidupan liar yang dipercayai kesan tapak kaki Harimau Belang di Projek Pertanian Moden, Kluang, Johor Darul Ta'zim pada kira-kira jam 7.30 malam 3 April 2026. Lokasi penemuan tapak ini berada pada jarak 15km dari Hutan Simpan Renggam, Kluang dan 27km dari Hutan Simpan Kluang, Kluang.
2. Empat anggota dari Pejabat PERHILITAN Daerah Batu Pahat dan Pejabat PERHILITAN Daerah Kluang telah ke tempat kejadian untuk melakukan siasatan lanjut.
3. Hasil siasatan Jabatan PERHILITAN telah menemui kesan tapak kaki kira-kira tinggalan 3 ke 4 hari dengan saiz kelebaran tapak kaki 12cm dan panjang 11cm.
4. Susulan daripada itu, rondaan dan kawalan akan dilaksanakan oleh Jabatan PERHILITAN sehingga tempoh 14 hari bagi memastikan keselamatan kawasan tersebut terjamin.

5. Unit Konservasi Harimau Malaya (UKHM) akan melaksanakan pemasangan perangkap kamera bagi mengesan corak pergerakan spesies Harimau Belang tersebut dan seterusnya menilai tindakan susulan yang bersesuaian.
6. Jabatan PERHILITAN menasihatkan penduduk di kawasan terlibat supaya sentiasa berwaspada ketika menjalankan aktiviti harian serta mengelakkan berada bersendirian di kawasan hutan atau ladang, khususnya pada waktu awal pagi dan lewat petang.
7. Jabatan PERHILITAN juga mengharapkan orang ramai akan terus memberikan sokongan dan membantu dengan menjadi mata dan telinga Jabatan PERHILITAN melalui penyaluran maklumat berhubung kehadiran hidupan liar. Maklumat boleh disalurkan melalui talian *Hotline* PERHILITAN 1-800-88-5151 atau Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) di laman web *www.wildlife.gov.my*.

**DATO' ABDUL KADIR ABU HASHIM**  
**KETUA PENGARAH**  
**JABATAN PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR DAN TAMAN NEGARA**  
**(PERHILITAN) SEMENANJUNG MALAYSIA**  
**7 APRIL 2026**

## LAMPIRAN



Gambar 1 : Saiz tapak kaki harimau



Gambar 2: Kesan pergerakan dan tapak kaki harimau



Gambar 3: Aktiviti rondaan oleh anggota PERHILITAN di lokasi aduan